



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SABTU 19 DISEMBER 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	ANJUNG KORPORAT, NEGARA, KOSMO -18 TIADA LAPORAN BEKALAN MAKANAN TIDAK CUKUP, NEGARA, KOSMO -17 RM55.8 JUTA DIAGIH KEPADA 279 PPK, NEGERI PAHANG, SELANGOR/KL, SH -24	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
4. 5. 6. 7.	CUBAAN BAWA MASUK DUA EKOR KUCING BRITISH SHORTHAIK GUNA MAKLUMAT PALSU, MAHKAMAH & JENAYAH, SH -23 CUBAAN BAWA KUCING DARI UKRAINE GAGAL, LOKAL, HM -18 KUCING DARI UKRAINE DIRAMPAS, DALAM NEGERI, UM -29 KEMPUNAN MILIKI DUA KUCING COMEL, NEGARA, KOSMO -14	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
8.	20 GUNI BENIH KERANG DIRAMPAS, NASIONAL, BH -23	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
9.	WARGA KL, PUTRAJAYA KUAT MAKAN BUAH, DALAM NEGERI, UM -29	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
10.	PPK RAUB MODEL KEJAYAAN FERTIGASI TERUNG, TIMUN, NEGARA, KOSMO -15	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (PPK)
11. 12. 13. 14. 15.	'SAYA MULA 1 SARANG', LOKAL, HM -20 PEMANDU E-HAILING TUKAR BIDANG TANAM CILI BARA, NEGARA, KOSMO -16 GANTUNG POKOK TIMUN ELAK BANJIR, NEGERI TERENGGANU/KELANTAN, SH -27 HARGA CILI, BAWANG MELAMBUNG, DALAM NEGERI, UM -6 PENGGUNA MENGELUH, MAHU KERAJAAN BERTINDAK, DALAM NEGERI, UM -6	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH

MEDIA

RUANGAN

MUKA
SURAT

19/12/2020

KOSMO

NEGARA

18

Anjung Korporat



MENTERI Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Romaid Klandee (dua dari kiri) bergambar bersama Pengerusi dan Pengasas Kumpulan Sunway, Tan Sri Dr. Jeffrey Cheah (tiga dari kiri) selepas mengadakan lawatan di hab inovasi pertanian bandar pertama di Malaysia, Sunway FutureX Farm di Bandar Sunway, Subang Jaya baru-baru ini.



CHE ABDULLAH (dua dari kiri) menyerahkan bantuan zakat kepada ahli PPK di Raub, semalam.

Tiada laporan bekalan makanan tidak cukup

RAUB – Kementerian Pertanian dan Industri Makanan tidak menerima sebarang laporan berhubung kekurangan bekalan makanan asas sehingga menjejaskan kualiti hidup rakyat.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, tiada laporan ketidakcukupan bekalan makanan yang menjejaskan rakyat kecuali beberapa barangan yang diimport seperti bawang merah.

“Sektor pengeluaran makanan negara perlu bergerak seiring dengan permintaan jika terhenti kesannya akan menjejaskan kualiti hidup rakyat.

“Kerajaan bertindak pantas melancarkan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (Prihatin) dan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (Penjana) bagi memastikan rakyat mendapat sokongan perniagaan diperlukan,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Penyampaian Bantuan Zakat Perniagaan di

Pejabat Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Raub, di sini semalam.

Turut hadir, Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Dr. Nik Mohamad Zawawi Salleh.

Beliau berkata, dalam Belanjawan 2021 kerajaan memfokuskan untuk memperkasakan sektor pertanian dan industri makanan dengan peruntukan RM4.79 bilion bagi membantu petani, peladang dan nelayan selaku barisan hadapan industri agromakanan negara.

“Dalam pada itu pihak kementerian bersama rakan strategik Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) terus berusaha keras memartabatkan agromakanan dan sekuriti makanan negara.

“Kementerian memperuntukkan kira-kira RM55 juta kepada 279 Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) seluruh negara tahun ini bagi menjalankan projek pengeluaran makanan untuk bekalan tempatan,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/12/2020	SINAR HARIAN	NEGERI PAHANG/ SELANGOR	24

RM55.8 juta diagih kepada 279 PPK

Pahang terima sebanyak RM4.5 juta melibatkan 23 PPK di seluruh negeri

Oleh ROSILAWATI ROSEDI

RAUB

Sebanyak RM55.8 juta peruntukan telah diagihkan kepada 279 Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) di seluruh negara di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (Pre Prihatin).

Daripada jumlah tersebut, Pahang menerima sebanyak RM4.5 juta melibatkan 23 PPK di seluruh negeri.

Timbalan Menteri II Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Che Abdullah Mat Nawawi berkata, setiap PPK menerima secara purata sebanyak RM200,000 menerusi pakej tersebut.

"Tahun 2021 adalah fasa bagi meningkatkan pengeluaran makanan.

"Dalam Belanjawan 2021, fokus kerajaan adalah mem-



Che Abdullah (tengah) pada sesi penyerahan pakej Pre Prihatin sebanyak RM200,000 yang diterima Mustaffar (dua dari kiri) daripada Nik Muhammad (dua dari kanan) di PPK Raub pada Jumaat.

perkasakan sektor pertanian dan industri makanan supaya memberi manfaat kepada petani, peladang dan nelayan," katanya dalam ucapan di PPK Raub di sini pada Jumaat.

Beliau turut menyampaikan bantuan zakat perniagaan bernilai RM10,000 terdiri wang tunai serta barangan makanan asas daripada PPK terbabit untuk 50 penerima terpilih mem-

babitkan ahli peladang dan penduduk setempat sekitar Raub.

Hadir sama, Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh; Pengarah LPP Pahang, Dzulfadli Johan dan Pengerusi PPK Raub, Datuk Indera Mustaffar Kamal Abdul Hamid.

Pada majlis sama, penyarn-

paian pakej Pre Prihatin sebanyak RM200,000 diberikan kepada PPK Raub di mana PPK terbabit bakal melaksanakan projek tanaman cili dan timun.

PPK Raub yang kini memiliki ahli seramai 4,324 telah menerima peruntukan berjumlah RM240,000 pada awal tahun ini bagi menjalankan fertigasi terung sebanyak 4,500 polibeg dan 7,500 polibeg ti-

mun yang telah mengeluarkan hasil sebanyak RM24,800 bagi tahun pertama.

Sementara itu, bagi penerima zakat, Norashikin Ibrahim, 51, dari Kampung Batu Malim bersyukur dengan sumbangan tersebut yang disifatkan tepat pada masanya.

Ujarnya, ia akan digunakan sepenuhnya bagi keperluan persekolahan anaknya.

Cubaan bawa masuk dua ekor kucing British Shorthair guna maklumat palsu

SE Pang - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) mengesan cubaan membawa masuk dua ekor kucing jenis British Shorthair yang diimport dari Ukraine dengan menggunakan maklumat palsu pada Rabu.

Pengarah Maqis Selangor, Dr Tarimisal Alimin berkata, pihaknya mengesan kesalahan itu ketika pemeriksaan di Kompleks Kargo Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini.

"Semakan yang dibuat mendapati nombor mikrochip yang terdapat pada badan kucing jenis British Shorthair itu tidak sama dengan dokumen permit import yang diisytiharkan," katanya melalui satu kenyataan di sini pada Jumaat.

Beliau berkata, perbuatan mengimport haiwan dengan mengisytiharkan maklumat palsu, tidak tepat atau mengelirukan adalah suatu kesalahan mengikut Seksyen 13, Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011.

"Jika sabit kesalahan, pelaku boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjarakan tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya," katanya.

Beliau berkata, pihaknya sentiasa teliti dalam melakukan pemeriksaan bagi setiap komoditi haiwan, tumbuh-



Kucing jenis British Shorthair dari Ukraine yang ditahan di Kompleks Kargo KLIA pada Rabu lalu.

an serta karkas sama ada yang diimport, atau dieksport bagi mengawal dan menjaga biosekuriti serta Kawalan Penyakit dan Keselamatan Makanan di dalam negara.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/12/2020	HARIAN METRO	LOKAL	18

Cubaan bawa kucing dari Ukraine gagal

Putrajaya: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) mengesan cubaan membawa masuk dua kucing import dari Ukraine menggunakan maklumat yang diisytiharkan palsu pada Rabu lalu.

Kesalahan itu dikesan di Kompleks Kargo Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Sepang.

Pengarah Maqis Selangor, Dr Tarmisal Alimin berkata, hasil pemeriksaan terhadap kedua-dua nombor mikro-cip pada badan kucing jenis *British Shorthair* itu tidak sama dengan dokumen permit import yang diisytiharkan.

“Jika sabit kesalahan, pelaku boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjarakan tidak melebihi dua tahun,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/12/2020	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	29

Kucing dari Ukraine dirampas

Oleh **NUR SHARIEZA ISMAIL**
 utusannews@mediamulia.com.my

SEPANG: Tindakan pemilik mengisytiharkan maklumat palsu mengenai dua ekor kucing import terbongkar apabila pihak berkuasa Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) berjaya mengesan perbezaan nombor mikrochip pada dua kucing itu.

Dua kucing jenis *British Shorthair* yang diimport dari Ukraine itu ditahan oleh Maqis di Kompleks Kargo Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Sepang di sini kelmarin.

Pengarah Maqis Selangor, Dr. Tarmisal Alimin berkata, daripada pemeriksaan lanjut ke atas kucing tersebut mendapati, nombor mikrochip yang terdapat pada badan kucing itu tidak sama dengan dokumen permit import yang diisytiharkan.

“Kesalahan mengimport haiwan kesayangan dengan mengisytiharkan maklumat palsu, tidak tepat atau mengelirukan merupakan suatu kesalahan di bawah Seksyen 13, Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011.

“Sekiranya didapati melakukan kesalahan tersebut boleh didenda tidak melebihi RM5,000 atau dipenjarakan tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali,” katanya menerusi kenyataan akhbar di sini.

Tarmisal berkata, pihak Maqis sentiasa teliti dalam melakukan pemeriksaan bagi setiap komoditi haiwan, tumbuhan serta



KUCING jenis *British Shorthair* yang diimport dari Ukraine ditahan di Kompleks Kargo, KLIA, Sepang kelmarin.

karfak sama ada yang diimport atau dieksport.

“Pemeriksaan berterusan itu dilakukan bagi mengawal dan

menjaga biosekuriti dan kawalan penyakit serta keselamatan makanan di dalam negara,” katanya.

Maqis rampas baka British Shorthair diimport dari Ukraine guna maklumat palsu

Kempunan miliki dua kucing comel

Oleh NUR SHARIEZA ISMAIL

SEPANG - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) berjaya mengagalkan cubaan pengimportan dua ekor kucing baka British Shorthair dalam satu rampasan di Kompleks Kargo Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Sepang pada Rabu lalu.

Rampasan kucing yang diimport dari Ukraine itu dibuat selepas pihak Maqis mendapati pihak terbabit menggunakan maklumat palsu seperti yang diisytiharkan dalam dokumen permit import.

Pengarah Maqis Negeri Selangor, Dr. Tarmisal Alimin berkata, pegawai di Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) mengesan kesalahan nombor mikrochip pada

dua ekor kucing jenis British Shorthair terbabit.

"Pemeriksaan lanjut ke atas kucing tersebut mendapati nombor mikrochip yang terdapat pada badan haiwan perliharan itu tidak sama dengan dokumen permit import seperti yang diisytiharkan.

"Kesalahan mengimport haiwan peliharaan dengan mengisytiharkan maklumat yang palsu, tidak tepat atau mengelirukan merupakan suatu kesalahan di bawah Seksyen 13, Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Menurut Tarmisal, individu ataupun kumpulan yang didapati melakukan kesalahan tersebut boleh didenda tidak lebih RM5,000 atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali.

duanya sekali.

Kucing British Shorthair merupakan baka kucing yang berasal dari Eropah dan merupakan baka tertua di dunia.

Kucing jenis ini juga mempunyai bentuk yang montel dan bertubuh lebat serta mempunyai muka yang lebar. Harga pasaran bagi kucing jenis ini ialah antara RM7,000 hingga RM35,000 sekiranya bergantung kepada saiz dan warna.

Dalam pada itu, Tarmisal berkata, pihak Maqis sentiasa teliti dalam melakukan pemeriksaan bagi setiap komoditi haiwan, tumbuhan serta karkas sama ada yang diimport atau dieksport.

"Pemeriksaan berterusan itu dilakukan bagi mengawal dan menjaga biosekuriti dan kawalan penyakit serta keselamatan manusia di dalam negara," katanya.



SALAH seekor kucing spesies British Shorthair yang dirampas Maqis di Kompleks KLIA, Sepang pada Rabu lalu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/12/2020	BERITA HARIAN	NASIONAL	23

20 guni benih kerang dirampas

Sekinchan: Jabatan Perikanan Selangor menahan seorang lelaki 38 tahun dan merampas 20 guni benih kerang bernilai RM15,000 yang dikutip secara haram, di Pantai Sungai Lemau dekat sini, pada jam 4 petang kelmarin.

Pengarahnya, Abdul Rahman Abdul Wahab, berkata lelaki itu ditahan di kawasan tempat letak kereta di pantai berkenaan.

Katanya, 10 guni benih kerang ditemui berhampiran kenderaan lelaki itu, manakala 10 guni lagi dijumpai di dalam bonet.

"Semua 20 guni anak kerang ini dianggarkan bernilai RM 15,000. Ia belum capai saiz benih kerang matang dan boleh memecah harga yang lebih mahal.

"Tambahan pula, anak kerang itu belum melalui proses sisihan, jadi nilainya tidak tinggi," katanya dalam kenyataan, semalam.

Abdul Rahman berkata, pihaknya percaya anak kerang berkenaan akan dibawa ke tempat lain untuk dibesarkan sebelum dibawa keluar dari Malaysia.

Katanya, jumlah keseluruhan rampasan nilai benih kerang, kenderaan dan peralatan mengutip benih kerang dianggarkan RM20,000.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/12/2020	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	29

Warga KL, Putrajaya kuat makan buah

PUTRAJAYA: Jika anda peniaga buah-buahan dan pening mencari lokasi terbaik untuk menjualnya, apa kata pilih pasaran Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Ini kerana data nilai jualan oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) yang diberi kepada *Utusan Malaysia* menunjukkan, dua wilayah itu paling tinggi makan buah berbanding negeri lain sejak 2017.

Setakat Oktober lalu, sejumlah RM4.07 juta nilai jualan dicatatkan agensi itu, jauh mengatasi Selangor yang sekadar mengaut RM1.27 juta.

Ini diikuti Terengganu (RM868,094), Perak (RM831,146), Melaka (RM647,797), Pahang (RM644,710), Johor (RM633,988), Kedah (RM608,471), Kelantan (RM588,516) dan Negeri Sembilan (RM476,109).

Negeri yang direkodkan paling kurang jualan buah-buahan ialah Perlis (RM193,225) disusuli Sabah (RM218,088), Sarawak (RM281,431) dan Pulau Pinang (RM230,153).

Secara keseluruhan FAMA melaporkan RM11.57 juta jualan buah-buahan namun jatuh berbanding tahun lalu yang mencatatkan RM13.86 juta selain RM13.66 juta (2018) dan RM14.18 juta (2017).

Senario itu juga dapat dilihat pada angka nilai jualan direkodkan Kuala Lumpur pada tahun lepas sebanyak RM5.37 juta selain RM5.15 juta (2018) dan RM4.57 juta (2017).

Penurunan nilai urus niaga itu menurut FAMA, disebabkan faktor tertentu seperti perubahan cuaca tidak menentu, kemerosotan pengeluaran dan bekalan dari ladang kurang



Secara keseluruhan FAMA melaporkan RM11.57 juta jualan buah-buahan namun jatuh berbanding tahun lalu yang mencatatkan RM13.86 juta selain RM13.66 juta (2018) dan RM14.18 juta (2017)."

konsisten.

Empat negeri mencatatkan peningkatan tahun ini iaitu Melaka apabila tahun lalu merekodkan nilai jualan RM536,234 serta RM505,609 (2018) dan RM179,886 (2017).

Begitu juga Pulau Pinang kerana sepanjang tahun lepas, negeri itu mencatatkan nilai RM189,462 manakala dua tahun sebelumnya cuma RM150,964 (2018) dan RM77,855 (2017).

Negeri Sembilan pula mencatatkan jualan RM379,139 tahun lalu iaitu merosot berbanding RM423,541 (2018), tetapi lebih baik daripada sebelumnya, RM366,687 (2017).

Penjualan buah di Perlis turut naik berbanding rekod tahun lepas hanya RM163,775, tetapi jatuh daripada dua tahun sebelumnya, RM272,548 (2018) dan RM259,769 (2017).

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/12/2020	KOSMO	NEGARA	16

PPK Raub model kejayaan fertigasi terung, timun

RAUB – Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Raub menjadi model kejayaan projek fertigasi terung dan timun dengan menjana RM24,000 pada tahun pertama.

Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang Negeri Pahang Dzulfadli Johan berkata, PPK Raub telah menerima peruntukan RM240,000 awal tahun ini menjalankan fertigasi membabitkan 4,500 polibeg terung dan 7,500 polibeg timun.

Menurutnya, kebolehpasaran yang luas mendorong projek ini berdaya maju dan mampu menghasilkan produktiviti yang tinggi.

“Projek ini memberi nilai tambah kepada pengeluaran berkualiti serta menjimatkan kos operasi dalam jangka masa sederhana dan panjang,” katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Penyampaian Bantuan Zakat Perniagaan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Raub yang disempurna-

kan Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi di PPK Raub semalam.

Tambahnya, projek fertigasi seperti ini adalah manifestasi kerajaan menggalakkan PPK dalam melestarikan pengeluaran makanan berkualiti dan mengekalkan rantaian makanan negara.

Pada majlis itu, LPP Pahang menyampaikan peruntukan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (Pre Prihatin) kepada PPK Raub bagi menjalankan projek agro makanan.

Katanya, LPP Pahang menyokong penuh usaha murni PPK Raub melaksanakan projek agromakanan sekali gus memberi manfaat kepada ahli seramai 4,324 orang.

Pada majlis itu seramai 50 orang asnaf menerima zakat perniagaan dengan agihan bernilai RM10,000 yang disalurkan kepada Pertubuhan Peladang Kawasan Raub.

19/12/2020

HARIAN
METRO

LOKAL

20



NUR Izzatie menunjukkan cara menyedut madu di sarang kelulut yang diusahakannya.

'SAYA MULA 1 SARANG'

Graduan cadang eksport produk Honeyzull Pure Kelulut Honey ke Arab Saudi pada 2021

Oleh Hazra
Ahmad Zaidi
arn@hmeto.com.my

Kota Bharu

RM400

Bermula dengan hanya satu sarang kelulut pada 2017 yang ditempatkan di halaman rumahnya di Kampung Membatu, Ketereh, Nur Izzatie Zulkifli, 25, kini memiliki 80 sarang madu kelulut, malah bercadang untuk mengeksportnya ke Arab Saudi pada tahun depan.

Nur Izzatie yang juga graduan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) Terengganu dalam jurusan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Bahasa Arab berkata, madu kelulutnya turut mendapat pensijilan MyGAP daripada Jabatan Pertanian.

Dia kini dalam proses mendapatkan Pensijilan Makanan Selamat Tanggungjawab Industri (MeSTI) daripada Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk membolehkan madu kelulut itu dipasarkan di pasar raya tempatan.

Katanya, dia menternak kelulut daripada spesies *Heterotrigona itama* dan *Genio-*

trigona thoracica serta menempatkan 80 sarang kelulut secara berperingkat di kawasan seluas 0.3516 hektar.

Setiap sarang kelulut pula dibeli pada harga RM300 hingga RM400.

"Walaupun saya tidak mempunyai asas dalam ternakan kelulut namun saya berazam mengusahakannya. Saya turut berguru dengan penternak kelulut berpengalaman selain melakukan carian di internet berkaitan madu kelulut.

"Pembabitannya saya dalam ternakan madu kelulut bermula apabila melihat ayah, Zulkifli Mamat, 60, yang menghidap masalah jantung kembali sihat serta cergas selepas mengamalkan pengambilan madu kelulut secara konsisten hingga kini.

"Produk madu kelulut yang saya hasilkan di bawah jenama *Honeyzull Pure Kelulut Honey* dipasarkan secara terus melalui laman Facebook selain Instagram.

"Ia turut dipasarkan secara borong, melalui ejen, malah

MADU kelulut dijual pada harga RM35 hingga RM180 sebotol bergantung kepada berat.

dijual kepada pengusaha produk kecantikan," katanya.

Anak keempat daripada tujuh beradik itu berkata, rutin hariannya bermula pada awal pagi dan petang dengan meninjau semua sarang kelulut sebelum mengeluarkan madu menggunakan mesin penyedut madu.

"Kebiasaannya madu sesuai dituai sekitar jam 9 pagi hingga 3 petang kerana pada waktu ini, kelulut akan keluar mencari makanan dan ia akan mengurangkan gangguan pada koloni.

"Menternak kelulut merupakan aktiviti paling mudah dan ringkas. Setiap bulan, saya memperoleh sekurang-kurangnya dua kilogram madu bagi setiap sarang. Bagaimanapun, pada musim hujan, pengeluaran madu akan berkurangan.

"Madu kelulut ini dijual pada harga RM35 hingga

RM180 sebotol bergantung kepada berat," katanya yang pernah mengikuti Kursus Bijak Niaga di bawah program Empower Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER).

Katanya, bagi memenuhi permintaan madu kelulut, dia akan bekerjasama dengan 11 penternak madu kelulut di sekitar Ketereh.

Menurutnya, penternak berkenaan menjual madu kelulut kepadanya sebelum dipasarkan semula. Ia secara tidak langsung membantu penternak berkenaan.

"Permintaan tinggi madu kelulut menjadikan saya mahu melangkah lebih jauh. Ketika ini, abang saya yang berada di Kuala Lumpur sedang berbincang dengan pihak berkaitan untuk mengeksport hasil madu ini ke Arab Saudi yang dijangka pada tahun depan," katanya.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/12/2020	KOSMO	NEGARA	16

Pemandu e-hailing tukar bidang tanam cili bara

REMBAU – Pandemik Covid-19 yang melanda negara banyak memberi kesan kepada individu yang bekerja sendiri termasuklah pemandu e-hailing, namun ia tidak sedikit pun mematahkan semangat Azizan Omar, 50, untuk mencari rezeki buat keluarga.

Azizan dan isterinya, Jaizah Mohd. Jazuli, 50, kini mengusahakan tanaman cili bara bermula dengan 200 batang anak pokok cili bara yang ditanam di sekeliling rumah di Kampung Ulu Gadong, dekat sini, Mei lalu.

Menurut Azizan yang sudah hampir 15 tahun bekerja sebagai pemandu e-halling, tanaman cili bara berkenaan kini turut diperluaskan dengan tambahan 1,000 pokok dan diusahakan di tanah pusaka seluas kira-kira 0.1 hektar di perkampungan itu.

"Masa awal arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Mac dahulu, saya usahakan juga untuk mencari rezeki melalui e-hailing, namun dalam seminggu nak dapat RM20 pun sukar kerana kebanyakan individu sudah mula bekerja dari rumah.

"Biasanya ramai orang Seremban yang bekerja di Kuala



AZIZAN (belakang, kiri) dan keluarganya kini mengusahakan tanaman cili bara di Kebun Fertigasi Ulu Gadong, Rembau.

Lumpur menaiki kereta api dan sebelum ini, jadi sumber pendapatan saya di sekitar Seremban serta Kuala Lumpur," katanya ketika ditemui di Kebun Fertigasi Ulu Gadong di sini semalam.

Azizan berkata, dia kini berhasrat untuk memperluaskan lagi tanaman cili bara berkenaan sebaik sahaja mendapat modal dari pengeluaran Akaun 1 Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) melalui i-Sinar.

Malah, menurutnya, matla-

mat dia serta keluarga mengusahakan tanaman berkenaan juga adalah bagi menjual hasil kepada penduduk kampung dengan harga ladang yang jauh lebih rendah dari harga pasaran.

"Kami baharu sahaja menuai hasil cili buat kali pertama dan memperoleh sebanyak 10 kilogram di mana satu kilogram dijual pada harga RM18," katanya yang turut menerima bantuan berupa baja dari Jabatan Pertanian.

Gantung pokok timun elak banjir

Pengusaha ambil langkah berjaga-jaga bagi memastikan bencana itu tidak jejasakan tanaman

pada tanaman timun fertigasi yang diusahakannya.

Menurutnya, banjir gelombang pertama baru-baru ini menyebabkan ladang timun berkeluasan 0.4 hektar miliknya dipenuhi dengan air hampir satu meter, bagaimanapun ketika itu air tidak mencecah ketinggian tanaman yang digantung dengan jarak satu meter dari tanah.

Mengusahakan ladang tersebut sejak tiga tahun lalu, Khairu memberitahu, dia akan menyemai dan menanam benih timun tersebut setiap dua bulan sekali dan mengutip hasil selepas tarikh matang selama 29 hari.

"Kali terakhir saya kutip hasil pada pertengahan November lalu dan banjir gelombang pertama pula bermula hujung November lalu. Jadi saya perlu perlahankan dahulu semaian untuk memastikan persiapan dapat dilakukan sekiranya air naik lagi untuk gelombang ke-



Khairu Azrin menaikkan sedikit ketinggian penggantungan polibeg tanaman timun yang diusahakannya sebagai persediaan menghadapi banjir gelombang kedua yang dijangka melanda pantai timur minggu ini.

dua.

"Saya ambil langkah awal dengan menaikkan sedikit ketinggian penggantungan polibeg dengan melebihi satu meter kerana baru-baru ini air naik sampai 0.5 meter. Mungkin minggu depan saya akan mula menanam yang lain pula selepas seninggu semaian benih," katanya kepada pemberita di sini.

Mengulas lanjut, Khairu yang turut menanam pokok kakihijau itu berkata, walaupun dia sudah meningkatkan kedudukan polibeg tanaman timunya, namun dia tetap risau memandangkan keadaan cuaca yang tidak mengizinkan.

"Risau juga sebab sebelum ini gelombang pertama pun air naik sehingga 0.5 meter sehing-

ga paras paha. Apa pun saya tawakal sahaja, saya sudah usaha sebaik mungkin untuk elak berlaku kejadian tidak diingini," katanya.

Dia yang dibantu lima pekerja akan mengutip timun yang matang hampir setiap hari melibatkan 2,000 bekas polibeg di ladang yang terletak di sebelah kediamannya itu.

RANTAU PANJANG

Sorang pengusaha ladang timun di Lubok Stoi mengambil langkah awal dengan mengantungkan polibeg tanamannya lebih tinggi daripada kebiasaan sebagai persiapan menghadapi banjir gelombang kedua yang dijangka melanda negeri itu pada minggu ini.

Khairu Azrin Che Ha, 30, berkata, langkah tersebut amat penting bagi memastikan paras air yang naik di kawasan itu tidak akan memberi kesan ke-

Kenaikan didakwa dipengaruhi fenomena cuaca, faktor penyakit

Harga cili, bawang melambung

Oleh NAZLINA NADZARI
utusannews@mediamulla.com

KANGAR: Ramai penduduk negeri ini mengeluh apabila harga barang basah seperti cili merah dan bawang merah naik sehingga tiga kali ganda.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di Pasar Besar Sena di sini mendapati, harga cili merah dan cili padi mencecah sehingga RM20 sekilogram.

Bawang besar pula dijual pada harga RM10 sekilogram selain bawang kecil dengan harga sekitar RM12 sekilogram.

Sebelum ini, harga cili merah besar sekitar RM15 sekilo, cili padi RM13, bawang merah kecil RM5 dan bawang merah besar RM4 September lalu.

Peniaga bawang, Tan Tong Lai, 74, berkata, harga bawang naik kira-kira sebulan lalu disebabkan banjir di India menyebabkan bekalan berkurangan kerana tidak dapat diekspor ke sini.

"Pelanggan mengeluh tentang harga naik tetapi kami tidak berpuas hati apa-apa kerana bekalan berkurangan menyebabkan harga pun naik," katanya.

Peniaga sayur, Rosni Saad, 49, pula berkata, harga cili merah besar naik daripada RM14 kepada RM20 sekilogram, pe-



HARGA cili merah mencecah RM20 sekilogram di Pasar Sena, Kangar, Perlis, semalam. - UTUSAN/NAZLINA NADZARI

ningkatan yang berterusan sejak beberapa bulan lalu.

"Kalau cili merah besar saya akan ambil yang gred B kerana harganya lebih rendah," katanya.

Menurut peniaga makanan, Nurul Syamira Abdul Rahim,

36, harga bawang besar naik daripada RM2.50 sekilogram beberapa bulan lalu kepada RM10 ketika ini.

"Saya membeli barang secara borong, jika beli dengan harga runcit kesannya akan lebih tera-

sa. Saya lihat harga bawang memang naik," ujarnya.

Dalam pada itu, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Perlis melakukan pemeriksaan dan pemantauan

harga barangan di pasar tersebut semalam.

Pengaruhnya, Norazah Jaapar berkata, daripada pemeriksaan ke atas 18 premis yang merangkumi enam pasar dan 12 pasar raya utama di negeri itu mendapati kenaikan melebihi seratus peratus harga purata direkodkan iaitu bagi bawang besar manakala harga cili padi, cili merah besar (kulai) dan cili merah besar (minyak) pula mencatatkan kenaikan antara 27 hingga 40 peratus.

Jelasnya, harga bawang mencatatkan kenaikan sejak November lalu manakala harga tertinggi cili merah besar (kulai) pernah direkodkan pada bulan yang sama iaitu RM25 sekilogram.

"Kenaikan harga itu berpunca fenomena cuaca dan serangan penyakit. Namun begitu, pemantauan harga terus dilakukan setiap hari, bagi memastikan tiada mana-mana pihak yang mengambil kesempatan untuk menaikkan harga tanpa sebab munasabah," ujarnya.

Tambah beliau, bekalan bawang di Malaysia diimport dari 29 buah negara yang mana lima pengeksport terbesar adalah India sebanyak 36 peratus, (KPDNHEP) Perlis melakukan pemeriksaan dan pemantauan

Pengguna mengeluh, mahu kerajaan bertindak

PETALING JAYA: Ramai suri rumah dan peniaga mengeluh harga barang naik terutamanya bawang kecil import dari India.

Kenaikannya semakin terasa bulan ini tidak kira di pasar basah mahupun di pasar raya.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di pasar raya dan pasar pagi di Selangor mendapati harga bawang ros India meningkat tiga kali ganda daripada sebelum ini RM4 sekilogram.

Kenaikan harga bawang yang merupakan bahan asas penting dalam menu masakan mencetus rungutan lebih-lebih lagi menjelang sambutan perayaan Krismas minggu depan dan Tahun Baharu Cina pada Februari ini.

Suri rumah yang mahu dikenali sebagai kak Nah berkata, dia ping kepala apabila terpaksa membayar harga bawang ros sehingga RM17.80 sekilo-

gram di sebuah pasar raya di Kajang semalam.

"Hari ini saya terpaksa beli bawang ros 500 gram yang siap dibungkus dengan harga RM8.99. Bila harga bawang meningkat, sudah tentu perbelanjaan keluarga juga turut berlebihan daripada biasa.

"Memang terkejut sebab bawang selalunya murah, tapi sekarang berfikir banyak kali juga untuk membeli bawang," katanya.

Peniaga restoran, Huziana Husain berkata, harga bawang yang meningkat mendadak sejak kebelakangan ini mencetuskan kebimbangan dalam kalangan pengusaha restoran berikutan mereka memerlukan bahan asas itu dalam kuantiti yang banyak.

"Sebagai peniaga memang rasa terbeban" tambahan pula saya banyak menggunakan bawang India berbanding bawang yang

dieksport dari Thailand kerana teksturnya tahan lama.

"Harga bawang yang sebelum ini murah naik sehingga RM16-RM20 sekilogram. Jika perkara ini berlarutan, peniaga juga yang menanggung kesannya tambahan pula dalam situasi pandemik Covid-19 ini," ujarnya.

Suri rumah yang mahu dikenali sebagai Citra, 40-an berkata, dia hairan kenapa kekurangan bawang kecil tidak diselesaikan kerajaan kerana kenaikan sudah berlarutan berbulan-bulan.

"Isu ini sudah tiga bulan, kerajaan perlu mengatasinya kerana membebankan pengguna," katanya yang ditemui di pasar pagi di Sungai Long, Kajang.

Katanya, jika sebelum September lalu, dia hanya membayar RM4 hingga RM6 sekilogram untuk bawang ros kini harganya mencecah RM21.



HARGA bawang ros di sebuah pasar raya yang dijual pada harga RM8.99 untuk 500 gram.